

30 DEC 1998

India-Lawat/I

KETUA MENTERI TAMIL NADU AKAN LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Tamil Nadu, M. Karunanithi akan tiba di sini untuk lawatan empat hari bermula 7 Jan.

Lawatan itu diadakan di tengah-tengah beberapa laporan bahawa kerajaan negeri Tamil Nadu telah memilih konsortium yang diterajui Siemens untuk membina terminal dan loji gas cecair asli (LNG) Enmore bernilai AS\$1.6 bilion (AS\$1=RM3.80) walaupun terdapat percubaan oleh perbadanan minyak Malaysia, Petronas, untuk mengetepikan Siemens atas kesilapan teknikal.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata di sini hari ini bahawa Karunanithi dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 9 Jan.

Ketua Menteri itu juga dijadual mengadakan perbincangan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, katanya.

Program Karunanithi tidak termasuk sebarang perjumpaan dengan pegawai Petronas.

Dilaporkan hari ini bahawa Petronas dalam sepucuk surat kepada Perbadanan Pembangunan Perindustrian Tamil Nadu (TIDCO), agensi yang melaksanakan projek itu, bagi membantah konsortium yang diterajui Siemens itu kerana memasukkan 16 peratus cukai kastam dalam tawaran harga sedangkan dokumen tawaran itu telah menyatakan bahawa tiada cukai kastam bagi LNG.

Petronas telah cuba untuk mengetepikan konsortium yang diterajui Siemens itu kerana "kesilapan" memasukkan cukai kastam dalam tawaran harga.

Samy Vellu berkata lawatan Karunanithi bertujuan untuk meninjau pengalaman Malaysia dalam penswastaan projek-projek infrastruktur.

Katanya syarikat Malaysia berminat untuk menyertai dalam penswastaan projek menaikkan taraf lebuh raya di Chennai, ibu negeri Tamil Nadu.

Beliau berkata selain daripada menghadiri taklimat di Kementerian Kerja Raya, Karunanithi dijadual menyampaikan ceramah mengenai kesusasteraan Tamil di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 8 Jan.

Lawatan rasmi terakhir Ketua Menteri itu ke Malaysia ialah pada 1986 semasa Persidangan Tamil Sedunia.

-- BERNAMA

ES AHH RHM